

Hujan lebih lebat Oktober depan

JPS ambil tindakan lebih agresif hadapi musim tengkujuh

HABSAH ISMAIL

KOTA BHARU- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan lebih agresif menghadapi musim tengkujuh musim ini sebagai langkah persediaan awal.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ir Ahmad Husaini Sulaiman berkata, persediaan itu dibuat berdasarkan ramalan Jabatan Metrologi Malaysia yang menjangkakan hujan lebat daripada biasa bermula Oktober ini.

"JPS" mengakui mengikut ramalan keadaan hujan lebat daripada biasa, pihak kami mencari cara untuk menangani masalah yang bakal dihadapi ketika banjir.

"Jabatan Metrologi dan JPS sentiasa bekerjasama da-

lam membuat ramalan hujan dari semasa ke semasa dan mencari jalan penyelesaian apabila berlaku masalah," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Pengurus Kanan JPS Malaysia, di Hotel Renaissance, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zol Azha Yusof yang membacakan teks ucapan perasmian Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas.

Ahmad Husaini berkata, antara cara penyelesaian menghadapi banjir dilakukan JPS ialah membuat pemeriksaan dan sistem yang dipasang JPS bagi memantau paras air di sungai-sungai di



Ir Ahmad Husaini (tiga, kanan) melihat pameran berkenaan pengairan di Hotel Renaissance, semalam.

negara ini.

"Ia sebagai langkah bagi memberi maklumat terkini

kepada orang ramai dan peralatan ini perlu sentiasa berada dalam keadaan baik.

"Ia sebagai usaha bagi memudahkan penyimpanan rekod untuk disimpan semasa

musim tengkujuh dan membuat ramalan ketika banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang," katanya.

Mengulas mengenai hakisan pantai yang kerap berlaku di negara ini, Ahmad Husaini berkata, kawasan pantai timur Semenanjung berada dalam keadaan yang agak kritikal kerana berhadapan dengan Laut China Selatan.

"Di Kelantan pun ada beberapa bahagian pantai yang telah dihakis.

"Kita juga kena lihat bagaimana hendak selesai dan berapa kos yang akan terlibat untuk menyelesaikan masalah ini. Bagaimanapun bilangan pantai yang terlibat tidak boleh didedahkan buat masa sekarang," katanya.